

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

- CLO 1 1. Perniagaan antarabangsa merujuk kepada aktiviti perniagaan yang melibatkan:
- A** Jual beli hanya di pasaran tempatan
 - B** Urus niaga antara negeri dalam satu negara
 - C** Perniagaan tanpa penggunaan mata wang asing
 - D** Urus niaga merentasi sempadan politik dan ekonomi
- CLO 1 2. Antara yang berikut, yang **BUKAN** kepentingan perniagaan antarabangsa kepada negara ialah:
- A** Guna tenaga
 - B** Pasaran luas
 - C** Tukaran asing
 - D** Pengurangan hasil eksport
- CLO 1 3. Mengapakah pasaran luar negara menjadi penting kepada sesebuah firma?
- A** Untuk menghadkan peluang pekerjaan
 - B** Untuk mengurangkan risiko pengeluaran
 - C** Untuk menghapuskan penggunaan teknologi asing
 - D** Untuk menampung lebih keluaran dan mengembangkan pasaran
- CLO 1 4. Antara berikut, yang manakah menerangkan perbezaan utama antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa?
- A** Perniagaan antarabangsa tidak memerlukan dokumentasi
 - B** Perniagaan dalam negeri menggunakan kapal laut dan kapal terbang
 - C** Perniagaan dalam negeri melibatkan lebih banyak sekatan perdagangan
 - D** Perniagaan antarabangsa melibatkan penggunaan pelbagai mata wang asing

- CLO 1 5. Apakah maksud import dalam strategi perniagaan antarabangsa?
- A Membina subsidiari di negara asing
 - B Menjual barangan dan perkhidmatan ke luar negara
 - C Membeli barangan dan perkhidmatan dari luar negara
 - D Memberi lesen penggunaan cap dagang kepada negara lain
- CLO 1 6. Mengapakah eksport dianggap penting kepada sesebuah negara?
- A Untuk menghadkan peluang pekerjaan
 - B Untuk mengurangkan risiko pengeluaran
 - C Untuk menghapuskan penggunaan teknologi asing
 - D Untuk menampung lebih keluaran dan mengembangkan pasaran
- CLO 1 7. Apakah maksud syarikat multinasional?
- A Firma kecil yang menjalankan urus niaga domestik
 - B Firma yang hanya terlibat dalam eksport dan import
 - C Firma yang hanya beroperasi dalam negara asal sahaja
 - D Firma yang beroperasi di beberapa buah negara serentak
- CLO 1 8. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** tujuan syarikat menjadi multinasional?
- A Mengelakkan tarif dan kuota
 - B Memperoleh teknologi baharu
 - C Mengecilkan saiz pasaran dan pelaburan
 - D Menambah kekurangan sumber bahan mentah dan tenaga kerja

- CLO 1 9. Mengapakah struktur organisasi mengikut produk sesuai digunakan oleh syarikat multinasional?
- A** Kerana ia memudahkan komunikasi dengan kerajaan asing
 - B** Kerana ia mengurangkan kepakaran dalam kumpulan produk
 - C** Kerana ia menghapuskan semua kos penyelidikan dan pembangunan
 - D** Kerana ia meningkatkan koordinasi dalam kumpulan produk yang sama
- CLO 1 10. Apakah kesan perbezaan sosio-budaya kepada syarikat multinasional?
- A** Semua produk boleh dipasarkan sama di seluruh dunia
 - B** Perbezaan budaya tidak mempengaruhi pasaran antarabangsa
 - C** Syarikat dapat mengurangkan kos promosi kerana budaya seragam
 - D** Gelagat pembelian berbeza menyebabkan strategi pemasaran perlu diubah suai
- CLO 1 11. Apakah misi utama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)?
- A** Merangka strategi pemasaran eksport negara.
 - B** Mempromosikan perusahaan Malaysia ke seluruh dunia.
 - C** Menempatkan Malaysia sebagai negara perdagangan global yang kompetitif.
 - D** Menasihati kerajaan tentang hal-hal yang berkaitan dengan perdagangan.
- CLO 1 12. Apakah bentuk perdagangan timbal balas yang merujuk kepada pertukaran barang dan perkhidmatan tanpa melibatkan penggunaan mata wang?
- A** Barter
 - B** Belian Bertimbal
 - C** Pembiayaan Eksport
 - D** Perindustrian Berimbang

- CLO 1 13. Bilakah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ditubuhkan oleh negara-negara ASEAN?
- A** Tahun 1957
 - B** Tahun 1967
 - C** 1 Januari 1993
 - D** 1 Januari 1994
- CLO 1 14. Mengapakah sesebuah negara membangun cenderung untuk terlibat dalam Perdagangan Timbal Balas?
- A** Untuk mewujudkan aktiviti mengeksport produk negara mereka.
 - B** Kerana mereka merupakan blok perdagangan yang paling berkuasa.
 - C** Untuk mengenakan tarif yang seragam kepada negara bukan anggota blok ekonomi.
 - D** Untuk memansuhkan sekatan perdagangan bagi menggalakkan perdagangan bebas.
- CLO 1 15. Apakah yang menjadi ciri utama bagi syarikat yang ingin menikmati Taraf Perintis yang ditawarkan oleh kerajaan sebagai galakan pelaburan?
- A** Syarikat tersebut perlu beroperasi di Zon Perdagangan Bebas.
 - B** Syarikat diberi elaun cukai sehingga 60% daripada perbelanjaan modal.
 - C** Syarikat perlu mencipta teknologi baharu di Koridor Raya Multimedia (MSC).
 - D** Syarikat tersebut mestilah menggunakan sumber tempatan dalam proses pengeluaran.

- CLO 1 16. Bagaimanakah Blok Ekonomi dapat meningkatkan perdagangan di kalangan negara anggota?
- A** Melindungi negara anggota daripada barang import dari negara bukan ahli.
 - B** Menetapkan dasar kewangan dan perdagangan yang dipengaruhi oleh WTO.
 - C** Mewujudkan kerajaan yang sama (Political Union) di kalangan negara anggota.
 - D** Memberi perjanjian keutamaan perdagangan dan mengurangkan atau menghapuskan sekatan perdagangan.
- CLO 1 17. Apakah yang dimaksudkan dengan Tarif Spesifik?
- A** Cukai yang dikenakan berdasarkan kepada nilai barang yang diimport.
 - B** Sejumlah cukai tetap yang dikenakan bagi setiap unit barang yang diimport.
 - C** Bayaran yang dibuat oleh kerajaan kepada pengeksport untuk mengurangkan kos pengeluaran.
 - D** Sekatan yang menghadkan kuantiti kemasukan sesuatu barang import dalam suatu jangka masa tertentu.
- CLO 1 18. Apakah kaedah perlindungan perdagangan yang merujuk kepada sekatan perdagangan yang dikenakan oleh kerajaan ke atas negara lain sama ada import atau eksport terhadap semua kategori produk?
- A** Kuota
 - B** Embargo
 - C** Piawaian
 - D** Kawalan Tukaran Asing

- CLO 1 19. Bagaimanakah Kawalan Tukaran Asing dapat menjadi kaedah perlindungan perdagangan?
- A** Kerajaan membeli barangan tempatan secara minimum untuk kegunaan agensi kerajaan.
 - B** Kerajaan mengenakan cukai berdasarkan peratusan nilai barang import (Ad Valorem Tariff).
 - C** Kerajaan akan menetapkan piawaian kualiti yang ketat untuk menolak kemasukan barangan import.
 - D** Kerajaan menghadkan penawaran mata wang asing atau menjualnya pada harga yang lebih tinggi kepada pengimport, menjadikan barangan import lebih mahal.
- CLO 1 20. Walaupun Kuota dan Tarif Import bertujuan untuk melindungi industri tempatan, apakah perbezaan utama antara kedua-dua kaedah tersebut dari segi impak kepada pendapatan negara?
- A** Kuota merujuk kepada piawaian manakala Tarif Import merujuk kepada Subsidi Eksport.
 - B** Kuota meningkatkan pendapatan negara manakala Tarif Import mengurangkan pendapatan negara.
 - C** Kuota dikenakan ke atas barangan eksport manakala Tarif Import dikenakan ke atas barangan import.
 - D** Kuota menghadkan kuantiti kemasukan barang tetapi tidak menambah pendapatan negara, manakala Tarif Import (cukai) akan menambah pendapatan negara.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Nyatakan maksud dan contoh perniagaan antarabangsa.
[4 markah]
- b) Huraikan **TIGA (3)** kepentingan perniagaan antarabangsa kepada sesebuah negara.
[6 markah]
- c) Nyatakan **DUA (2)** risiko yang dihadapi oleh syarikat multinasional.
[4 markah]
- d) Huraikan **TIGA (3)** cabaran yang dihadapi oleh syarikat multinasional dari segi politik dan undang-undang.
[6 markah]

Soalan 2

- a) Nyatakan **TIGA (3)** contoh syarikat yang menggunakan konsep francais dalam perniagaan antarabangsa.

[3 markah]

- b) Apakah yang dimaksudkan dengan globalisasi dalam konteks perniagaan antarabangsa?

[3 markah]

- c) Terangkan **TIGA (3)** objektif utama kerajaan melaksanakan Perlindungan Perdagangan terhadap industri tempatan.

[6 markah]

- d) Jelaskan bagaimana Subsidi Eksport membantu pengeluar tempatan untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa.

[8 markah]

Soalan 3

- a) Nyatakan **DUA (2)** objektif utama penubuhan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

[4 markah]

- b) Huraikan **TIGA (3)** bentuk perdagangan timbal balas.

[6 markah]

- c) Jelaskan perbezaan antara galakan pelaburan "**Pengecualian Cukai**" dengan "**Taraf Perintis**" yang ditawarkan oleh kerajaan.

[6 markah]

- d) Terangkan **DUA (2)** matlamat utama penubuhan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

[4 markah]

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab